

6 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 1**.

- (i) Sejambak Bakti, karya Rejab F.I
- (ii) Pelari Muda, karya Ghazali Ngah Azia
- (iii) Formula Termodinamik, karya Obasiah Haji Usman
- (iv) Destinasi Impian, karya Mohd Ismail Sarbini

Persoalan ialah perkara sampingan yang ada hubungan dengan tema yang hendak diungkapkan oleh pengarang bagi menguatkan sesuatu tema dalam sesebuah karya.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang anda pelajari, kemukakan tiga contoh peristiwa yang bersesuaian dengan persoalan yang diberikan.



[illegible]

[10 *markah*]

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faedah-faedah seni mempertahankan diri kepada anak-anak**. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Silat, tae kwan do, judo, karate dan wushu antara bentuk seni mempertahankan diri yang popular di seluruh dunia. Gerak langkah dalam seni tersebut antara langkah terbaik untuk anak remaja membina kecergasan, disiplin diri dan kemahiran sosial. Sesungguhnya, banyak faedah mempertahankan diri kepada anak-anak.

Pendedahan kepada seni mempertahankan diri sedikit sebanyak mampu menjadi benteng pertahanan pada saat anak remaja khususnya perempuan ketika berdepan dengan situasi kecemasan mahupun bahaya. Persekitaran yang semakin mencabar buat remaja menjadikan golongan itu sasaran utama bagi penjenayah.

Kelebihan lain yang diperoleh apabila mempelajari seni mempertahankan diri adalah dapat dijadikan sebagai salah satu bentuk senaman. Latihan yang dipraktikkan dengan gerakan yang tersendiri ternyata dapat mengeluarkan peluh. Justeru, selain dapat mempelajari seni mempertahankan diri, mereka juga dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti bermanfaat.

Remaja yang mempelajari seni mempertahankan diri juga dapat meningkatkan kemahiran sosial mereka. Ketika menjalani latihan mahupun mengikuti pertandingan, mereka lebih berdisiplin dan fokus untuk berjaya. Mereka juga akan lebih yakin ketika bertanding termasuk tatkala berdepan dengan lawan. Hal ini dikatakan demikian kerana, semangat juang yang dipelajarinya ketika latihan dan pertandingan berjaya memupuk daya keyakinan dalam diri sama ada di sekolah dan dalam kehidupan seharian.

Seni mempertahankan diri mampu membentuk sikap positif dalam diri remaja. Pelbagai bentuk seni mempertahankan diri yang dipelajari dapat merangsang kesan positif pada aliran otak dan secara tidak langsung menarik minat anak-anak untuk mempelajari seni mempertahankan diri ini.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Manfaat Seni Bela Diri'
Portal *Harian Metro*

[15 *markah*]